

**Zeti: Permintaan dalam negeri pulih
Malaysiakini.com
Sep 24, 2009**

Permintaan domestik Malaysia menunjukkan petanda jelas pemulihan hasil daripada pakej rangsangan fiskal dan dasar monetari yang dipermudahkan, kata Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz hari ini.

"Kita telah melihat keadaan yang lebih buruk dan kini keadaan semakin bertambah baik tetapi sektor luaran perlu menunjukkan peningkatan yang lebih ketara dari segi permintaan luar.

"Bagaimanapun terdapat petanda jelas pemulihan dalam permintaan domestik yang mendapat faedah daripada pakej rangsangan fiskal dan dasar monetari yang dipermudahkan," katanya.

Zeti berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucap tama beliau di persidangan Sekolah Undang-undang Kewangan dan Perbankan Bank Negara Malaysia-Bank-bank Pusat Asia Tenggara 2009 di Kuala Lumpur.

Apabila ditanya sama ada Malaysia mencatatkan pemulihan bentuk W, Zeti berkata negara tidak mengalami sebarang kerapuhan kredit kerana institusi kewangan masih kekal kukuh dan terus menyediakan pembiayaan bagi perniagaan domestik.

Ketika menyatakan Malaysia tidak berdepan dengan sebarang krisis kewangan, Zeti menambah hanya negara-negara dengan lebihan leveraj perlu mengurangkan keterhutangan mereka.

"Hanya sekiranya mereka menyusun semula sistem kewangan mereka, mereka boleh melihat sebarang petanda peningkatan dalam aktiviti penggunaan.

"Malahan mungkin terdapat pusingan kedua kesan ke atas sistem kewangan mereka memandangkan kegawatan ekonomi tetapi dalam kes Malaysia, kita tidak pernah menghadapi situasi itu kerana pertama sekali bank-bank kita mempunyai kedudukan kewangan yang sangat kukuh," katanya.

Apabila ditanya sama ada kadar faedah akan disemak semula, beliau berkata ia berada pada tahap yang sesuai sekarang dan akan kekal begitu melainkan terdapat sebarang perubahan ketara.

Zeti berkata persekitaran perniagaan sekarang dinamik dan dijangka bertambah baik lagi di masa hadapan.

"Ekonomi dijangka terus bertambah baik tetapi pada peringkat awal kami menjangkakan pertumbuhan yang sederhana. Pertumbuhan dijangka ketara tahun depan," kata Zeti.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak akan membentangkan Bajet 2010 di Parlimen pada 23 Okt dan beliau dijangka mengumumkan semakan semula unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi tahun ini dan 2010.

Mengenai unjuran penguncupan ekonomi Malaysia sebanyak 3.1 peratus oleh Bank Pembangunan Asia, Zeti berkata beliau yakin negara akan mencatatkan pertumbuhan

positif pada suku keempat kerana permintaan luar dijangka bertambah baik dalam suku ketiga.

"Bagi tahun ini, penilaian kami adalah kita menjangkakan pertumbuhan positif selepas penurunan permintaan luar dan dalam perdagangan dunia," katanya. **BERNAMA**

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.

Source : <http://www.malaysiakini.com/news/113479>